



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 37
No. 2

21hb Januari 1993

*TAMBAHAN No. 3
PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 14.

CUKAI PENDAPATAN 1967

DAN

AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

PERINTAH PELEPASAN CUKAI DUA KALI (MAURITIUS) 1993

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 132 (1) Akta Akta 53.
Cukai Pendapatan 1967 dan seksyen 65A (1) Akta Petroleum (Cukai Akta 45/67.
Pendapatan) 1967, Menteri membuat perintah yang berikut:

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pelepasan Cukai Dua Kali (Mauritius) 1993.** Nama.

2. Adalah diisytiharkan bahawa perkiraan-perkiraan yang dinyatakan dalam Jadual telah dibuat oleh Kerajaan dengan Kerajaan Mauritius dengan tujuan memberi pelepasan daripada cukai dua kali berhubung dengan cukai Malaysia dan cukai Mauritius (sebagaimana ditakrifkan tiap-tiap satunya dalam perkiraan-perkiraan itu) dan bahawa adalah suaimanfaat supaya perkiraan-perkiraan itu dikuatkuasakan. Pelepasan cukai dua kali.

JADUAL
(Perenggan 2)

PERJANJIAN DI ANTARA KERAJAAN MALAYSIA
DENGAN KERAJAAN MAURITIUS BAGI MENGELAKKAN
CUKAI DUA KALI DAN MENCEGAH PELARIAN
FISKAL BERKENAAN DENGAN CUKAI KE ATAS
PENDAPATAN

KERAJAAN MALAYSIA

DAN

KERAJAAN MAURITIUS

DENGAN HASRAT untuk membuat suatu Perjanjian bagi mengelakkan cukai dua kali dan mencegah pelarian fiskal berkenaan dengan cukai ke atas pendapatan, telah bersetuju seperti berikut:

Perkara 1

BIDANG DIRI

Perjanjian ini hendaklah terpakai bagi orang yang menjadi pemastautin satu atau kedua-dua Negara Pejanji.

Perkara 2

CUKAI YANG DILIPUTI

1. Perjanjian ini hendaklah terpakai bagi cukai ke atas pendapatan yang dikenakan oleh Negara Pejanji, tanpa mengira cara bagaimana ia dilevikan.
2. Cukai yang menjadi subjek Perjanjian ini ialah:
 - (a) di Malaysia:
 - (i) cukai pendapatan;
 - (ii) cukai pendapatan tambahan, iaitu, cukai pembangunan; dan
 - (iii) cukai pendapatan petroleum,(kemudian daripada ini disebut “cukai Malaysia”);
 - (b) di Mauritius, cukai pendapatan,
(kemudian daripada ini disebut “cukai Mauritius”).
3. Perjanjian ini hendaklah juga terpakai bagi apa-apa cukai ke atas pendapatan yang bersamaan atau yang secara substansialnya serupa yang dikenakan selepas tarikh Perjanjian ini ditandatangani sebagai tambahan kepada, atau sebagai ganti bagi, cukai yang sedia ada. Pihak-pihak berkuasa kompeten Negara-Negara Pejanji hendaklah memberitahu di antara satu sama lain tentang perubahan-perubahan penting yang telah dibuat dalam undang-undang pencukaian mereka masing-masing.

Perkara 3**TAKRIF AM**

1. Dalam Perjanjian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

- (a) istilah “Malaysia” ertinya wilayah-wilayah Persekutuan Malaysia, perairan wilayah Malaysia dan dasar laut dan tanah bawah perairan wilayah, dan termasuklah mana-mana kawasan yang berlanjutan di luar batasan perairan wilayah Malaysia, dan dasar laut dan tanah bawah mana-mana kawasan sedemikian, yang telah atau boleh kemudian daripada ini ditetapkan di bawah undang-undang Malaysia sebagai mengikut undang-undang antarabangsa sebagai suatu kawasan yang ke atasnya Malaysia mempunyai hak kedaulatan bagi maksud mengeksplorasi dan mengeksploitasi sumber alam, sama ada yang hidup atau tak hidup;
- (b) istilah “Mauritius” ertinya semua wilayah, termasuk semua pulau, yang, mengikut undang-undang Mauritius, menjadi Negara Mauritius dan termasuklah:
 - (i) laut wilayah Mauritius; dan
 - (ii) mana-mana kawasan di luar laut wilayah Mauritius yang mengikut undang-undang antarabangsa telah atau boleh kemudian daripada ini ditetapkan, di bawah undang-undang Mauritius berhubungan dengan Pelantar Benua, sebagai suatu kawasan yang di dalamnya hak Mauritius berkenaan dengan dasar laut dan tanah bawah dan sumber alamnya boleh dijalankan;
- (c) istilah-istilah “Negara Pejanji” dan “Negara Pejanji yang satu lagi” ertinya Malaysia atau Mauritius sebagaimana yang konteksnya menghendaki;
- (d) istilah “orang” termasuklah individu, syarikat dan mana-mana kumpulan orang yang lain yang disifatkan sebagai orang bagi maksud cukai;
- (e) istilah “syarikat” ertinya mana-mana pertubuhan perbadanan atau apa-apa entiti yang disifatkan sebagai pertubuhan perbadanan bagi maksud cukai;
- (f) istilah-istilah “perusahaan Negara Pejanji” dan “perusahaan Negara Pejanji yang satu lagi” masing-masing bererti perusahaan yang dijalankan oleh pemastautin Negara Pejanji dan perusahaan yang dijalankan oleh pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi;
- (g) istilah “cukai” ertinya cukai Malaysia atau cukai Mauritius, sebagaimana yang konteksnya menghendaki;
- (h) istilah “rakyat” ertinya:
 - (i) mana-mana individu yang memiliki kerakyatan atau kewarganegaraan Negara Pejanji;

(ii) mana-mana orang di sisi undang-undang,

perkongsian, persatuan dan apa-apa entiti lain yang memperolehinya statusnya yang sedemikian itu daripada undang-undang yang berkuatkuasa di Negara Pejanji;

(i) istilah “lalulintas antarabangsa” ertinya apa-apa pengangkutan dengan kapal atau pesawat udara yang dikendalikan oleh perusahaan Negara Pejanji, kecuali jika kapal atau pesawat udara itu dikendalikan semata-mata di antara tempat-tempat dalam Negara Pejanji yang satu lagi;

(j) istilah “pihak berkuasa kompeten” ertinya:

(i) dalam hal Malaysia, Menteri Kewangan atau wakilnya yang diberikuasa; dan

(ii) dalam hal Mauritius, Menteri Kewangan atau wakilnya yang diberikuasa.

2. Dalam pemakaian Perjanjian ini oleh Negara Pejanji, apa-apa istilah yang tidak ditakrifkan di dalamnya hendaklah, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, mempunyai erti yang dipunyainya di bawah undang-undang Negara itu berkenaan dengan cukai yang baginya Perjanjian ini terpakai.

Perkara 4

PEMASTAUTIN

1. Bagi maksud Perjanjian ini, istilah “pemastautin Negara Pejanji” ertinya:

(a) dalam hal Malaysia, seseorang yang bermastautin di Malaysia bagi maksud cukai Malaysia; dan

(b) dalam hal Mauritius, seseorang yang bermastautin di Mauritius bagi maksud cukai Mauritius.

Walau bagaimanapun, istilah “pemastautin Negara Pejanji” tidaklah termasuk mana-mana orang yang boleh dikenakan cukai di Negara itu hanya berkenaan dengan pendapatan daripada sumber-sumber dalam Negara itu.

2. Jika oleh sebab peruntukan perenggan 1, seseorang individu adalah pemastautin kedua-dua Negara Pejanji, maka statusnya hendaklah ditentukan mengikut kaedah-kaedah yang berikut:

(a) dia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin Negara Pejanji di mana dia mempunyai tempat kediaman tetap yang tersedia baginya. Jika dia mempunyai tempat kediaman tetap yang tersedia baginya di kedua-dua Negara Pejanji, dia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin Negara Pejanji yang dengannya hubungan peribadi dan ekonominya adalah lebih rapat (pusat kepentingan vital);

(b) jika Negara Pejanji di mana dia mempunyai pusat kepentingan vitalnya tidak dapat ditentukan, atau jika dia

tidak mempunyai tempat kediaman tetap yang tersedia baginya di salah satu Negara Pejanji, dia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin Negara Pejanji di mana dia mempunyai tempat tinggal yang lazim;

- (c) jika dia mempunyai tempat tinggal yang lazim di kedua-dua Negara Pejanji atau tidak mempunyai tempat tinggal yang lazimnya di kedua-duanya, dia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin Negara Pejanji di mana dia menjadi rakyat;
- (d) jika dia menjadi rakyat kedua-dua Negara Pejanji atau bukan rakyat kedua-duanya, pihak-pihak berkuasa kompeten Negara-Negara Pejanji hendaklah menyelesaikan persoalan ini melalui persetujuan bersama.

3. Jika, oleh sebab peruntukan perenggan 1, orang yang lain daripada individu menjadi pemastautin kedua-dua Negara Pejanji, maka ia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin Negara Pejanji di mana tempat pengurusan efektifnya terletak.

Perkara 5

ESTABLISMEN TETAP

1. Bagi maksud Perjanjian ini, istilah “establismen tetap” ertinya suatu tempat perniagaan tetap yang menerusinya perniagaan perusahaan itu secara keseluruhannya atau sebahagiannya dijalankan.
2. Istilah “establismen tetap” hendaklah termasuk terutamanya:
 - (a) tempat pengurusan;
 - (b) cawangan;
 - (c) pejabat;
 - (d) kilang;
 - (e) bengkel;
 - (f) lombong, telaga minyak atau gas, kuari atau mana-mana tempat lain bagi pengeluaran sumber alam termasuk balak atau keluaran hutan lain;
 - (g) kebun atau ladang;
 - (h) tapak bangunan, projek pembinaan atau pemasangan atau pemasangan, atau aktiviti-aktiviti penyeliaan yang berkaitan dengannya, menjadi establismen tetap hanya jika tapak, projek atau aktiviti tersebut berterusan lebih daripada 6 bulan.
3. Walau apapun peruntukan-peruntukan terdahulu Perkara ini, istilah “establismen tetap” hendaklah disifatkan sebagai tidak termasuk:
 - (a) penggunaan kemudahan-kemudahan semata-mata bagi maksud penyimpanan, pameran atau penghantarserahan barang-barang atau dagangan kepunyaan perusahaan itu;

- (b) penyenggaraan stok barang-barang atau dagangan kepunyaan perusahaan itu semata-mata bagi maksud penyimpanan, pameran atau penghantarserahan;
- (c) penyenggaraan stok barang-barang atau dagangan kepunyaan perusahaan itu semata-mata bagi maksud pemprosesan oleh perusahaan lain;
- (d) penyenggaraan tempat perniagaan tetap semata-mata bagi maksud membeli barang-barang atau dagangan atau bagi mengumpul maklumat, untuk perusahaan itu;
- (e) penyenggaraan tempat perniagaan tetap semata-mata bagi maksud pengiklanan, bagi pembekalan maklumat, bagi penyelidikan saintifik atau bagi aktiviti-aktiviti seumpamanya yang bersifat persediaan atau tambahan, untuk perusahaan itu;
- (f) penyenggaraan tempat perniagaan tetap semata-mata bagi apa-apa gabungan aktiviti-aktiviti yang disebut dalam subperenggan (a) hingga (e), tertakluk kepada aktiviti keseluruhan tempat perniagaan tetap yang berbangkit daripada gabungan ini bersifat persediaan atau tambahan.

4. Seseorang (selain daripada broker, ejen komisyen am atau mana-mana ejen lain yang berstatus bebas yang kepadanya perenggan 5 terpakai) yang bertindak di Negara Pejanji bagi pihak perusahaan Negara Pejanji yang satu lagi hendaklah disifatkan sebagai establismen tetap di Negara yang mula-mula disebut itu, jika:

- (a) dia mempunyai, dan lazimnya menjalankan di Negara yang mula-mula disebut itu, kuasa untuk membuat kontrak bagi pihak perusahaan itu, melainkan jika aktiviti-nya adalah terhad kepada pembelian barang-barang atau dagangan untuk perusahaan itu;
- (b) dia tidak mempunyai kuasa sedemikian, tetapi lazimnya menyenggarakan di Negara yang mula-mula disebut itu stok barang-barang atau dagangan kepunyaan perusahaan itu yang daripadanya dia selalu menghantarserah barang-barang atau dagangan bagi pihak perusahaan itu; atau
- (c) dia mengilang atau memproses di Negara yang mula-mula disebut itu bagi perusahaan itu barang-barang atau dagangan kepunyaan perusahaan itu.

5. Sesuatu perusahaan Negara Pejanji tidaklah boleh disifatkan sebagai mempunyai establismen tetap di Negara Pejanji yang satu lagi semata-mata kerana ia menjalankan perniagaan di Negara yang satu lagi itu melalui broker, ejen komisen am atau mana-mana ejen lain yang berstatus bebas, jika orang tersebut bertindak mengikut perjalanan biasa perniagaan mereka. Seseorang ejen tidaklah boleh dikira sebagai berstatus bebas jika ada bertindak secara eksklusif atau hampir eksklusif untuk perusahaan itu.

6. Hakikat bahawa syarikat yang menjadi pemastautin Negara Pejanji mengawal atau dikawal oleh syarikat yang menjadi pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi, atau yang menjalankan perniagaan di Negara yang satu lagi (sama ada menerusi establismen tetap atau selainnya), tidaklah boleh dengan sendirinya menjadikan mana-mana satu syarikat establismen tetap syarikat yang satu lagi.

Perkara 6

PENDAPATAN DARIPADA HARTA TAK ALIH

1. Pendapatan yang diperolehi oleh pemastautin Negara Pejanji daripada harta tak alih yang terletak di Negara Pejanji yang satu lagi boleh dicukai di Negara yang satu lagi itu.
2. Bagi maksud Perjanjian ini, istilah “harta tak alih” hendaklah ditakrifkan mengikut undang-undang Negara Pejanji di mana harta yang dalam persoalan terletak. Istilah itu hendaklah dalam apa-apa hal termasuk harta yang menjadi aksesori kepada harta tak alih, ternakan dan peralatan yang digunakan dalam pertanian dan perhutanan, hak yang kepadanya peruntukan-peruntukan undang-undang am berkenaan dengan harta tanah terpakai, usufruk harta tak alih dan hak kepada pengerjaan, atau hak untuk mengerjakan, deposit mineral, telaga minyak atau gas, kuari dan lain-lain tempat pengeluaran sumber alam termasuk balak atau keluaran hutan lain. Kapal, bot dan pesawat udara tidaklah boleh dianggap sebagai harta tak alih.
3. Peruntukan perenggan 1 hendaklah terpakai bagi pendapatan yang diperolehi daripada penggunaan secara langsung, penyewaan, atau penggunaan harta tak alih dengan apa-apa cara lain.
4. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 dan 3 hendaklah juga terpakai bagi pendapatan daripada harta tak alih perusahaan dan bagi pendapatan daripada harta tak alih yang digunakan bagi pelaksanaan perkhidmatan diri.

Perkara 7

KEUNTUNGAN PERNIAGAAN

1. Keuntungan perusahaan Negara Pejanji hendaklah boleh dikenakan cukai hanya di Negara itu melainkan jika perusahaan itu menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi menerusi establismen tetap yang terletak di dalamnya. Jika perusahaan itu menjalankan perniagaan seperti yang disebut terdahulu, keuntungan perusahaan itu boleh dicukai di Negara yang satu lagi itu tetapi hanya atas sekian banyak daripadanya sebagaimana yang boleh dikaitkan dengan establismen tetap itu.
2. Tertakluk kepada peruntukan perenggan 3, jika perusahaan Negara Pejanji menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi menerusi establismen tetap yang terletak di dalamnya, maka hendaklah di setiap Negara Pejanji dikaitkan dengan establismen tetap itu keuntungan yang dijangkakan mungkin dibuat olehnya jika

ia adalah perusahaan yang berlainan dan berasingan yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang sama atau seumpamanya di bawah keadaan yang sama atau seumpamanya dan berurusan dengan penuh kebebasan dengan perusahaan yang ianya menjadi establismen tetap.

3. Dalam menentukan keuntungan establismen tetap, maka hendaklah dibenarkan sebagai potongan segala perbelanjaan perusahaan itu yang ditanggung bagi maksud establismen tetap, termasuk perbelanjaan eksekutif dan pentadbiran am yang ditanggung sedemikian, sama ada di Negara Pejanji di mana establismen tetap terletak atau di tempat lain. Walau bagaimanapun, tiada potongan sedemikian boleh dibenarkan berkenaan dengan amaun, jika ada, yang dibayar (selain daripada terhadap pembayaran ganti perbelanjaan sebenar) oleh establismen tetap itu kepada ibu pejabat perusahaan itu atau mana-mana pejabatnya yang lain, melalui royalti, fee atau pembayaran lain yang seumpama itu sebagai pulangan bagi penggunaan paten atau hak lain, atau melalui komisyen bagi perkhidmatan-perkhidmatan spesifik yang dilaksanakan atau bagi pengurusan, atau, kecuali dalam hal perusahaan urusan bank, melalui bunga atas wang yang dipinjamkan kepada establismen tetap. Begitu juga tiada perkiraan boleh diambil, dalam menentukan keuntungan establismen tetap, tentang amaun yang dicajkan (selain daripada terhadap pembayaran ganti perbelanjaan sebenar), oleh establismen tetap kepada ibu pejabat perusahaan itu atau mana-mana pejabatnya yang lain, melalui royalti, fee atau pembayaran lain yang seumpama itu sebagai pulangan bagi penggunaan paten atau hak lain, atau melalui komisen bagi perkhidmatan-perkhidmatan spesifik yang dilaksanakan atau bagi pengurusan, atau, kecuali dalam hal perusahaan urusan bank, melalui bunga atas wang yang dipinjamkan kepada ibu pejabat perusahaan itu atau mana-mana pejabatnya yang lain.

4. Setakat mana ia menjadi kelaziman di Negara Pejanji untuk menentukan keuntungan yang kena dikaitkan dengan establismen tetap atas asas pengumpulan jumlah keuntungan perusahaan itu kepada beberapa bahagiannya, tiada apa-apa jua dalam perenggan 2 Perkara ini hendaklah menghalang Negara Pejanji itu daripada menentukan keuntungan untuk dicukai melalui pengumpulan sedemikian mengikut kelazimannya, cara pengumpulan yang diterimapakai hendaklah, walau bagaimanapun, sedemikian rupa supaya hasilnya hendaklah mengikut prinsip-prinsip yang terkandung dalam Perkara ini.

5. Tiada keuntungan boleh dikaitkan dengan establismen tetap semata-mata oleh sebab pembelian barang-barang atau dagangan oleh establismen tetap tersebut untuk perusahaan itu.

6. Bagi maksud perenggan-perenggan terdahulu, keuntungan yang kena dikaitkan dengan establismen tetap hendaklah ditentukan melalui cara yang sama dari setahun ke setahun melainkan jika terdapat sebab yang baik dan mencukupi untuk ditentukan sebaliknya.

7. Jika keuntungan termasuk butiran-butiran pendapatan yang diuruskan secara berasingan dalam Perkara-Perkara lain Perjanjian ini, maka peruntukan Perkara-Perkara tersebut tidaklah boleh tersentuh oleh peruntukan Perkara ini.

Perkara 8

PERKAPALAN DAN PENGANGKUTAN UDARA

1. Keuntungan yang diperolehi oleh perusahaan Negara Pejanji daripada pengendalian kapal atau pesawat udara di lalulintas antarabangsa hendaklah boleh dikenakan cukai hanya di Negara itu.
2. Perenggan 1 hendaklah juga terpakai bagi bahagian keuntungan daripada pengendalian kapal atau pesawat udara yang diperolehi oleh pemastautin Negara Pejanji menerusi penyertaan dalam kumpulan, perniagaan bersama atau agensi pengendalian antarabangsa.

Perkara 9

PERUSAHAAN BERSEKUTU

Jika—

- (a) Perusahaan Negara Pejanji menyertai secara langsung atau tak langsung dalam pengurusan, pengawalan atau modal perusahaan Negara Pejanji yang satu lagi; atau
- (b) orang yang sama menyertai secara langsung atau tak langsung dalam pengurusan, pengawalan atau modal perusahaan Negara Pejanji dan perusahaan Negara Pejanji yang satu lagi,

dan dalam mana-mana satu hal syarat-syarat adalah dibuat atau dikenakan di antara kedua-dua perusahaan itu dalam hubungan perdagangan atau kewangan mereka yang berlainan daripada apa yang akan dibuat di antara perusahaan-perusahaan bebas, maka apa-apa keuntungan yang sepatutnya, jika tidak kerana syarat-syarat tersebut, telah terakru kepada salah satu daripada perusahaan itu, tetapi, oleh sebab syarat-syarat tersebut, telah tidak terakru sedemikian, bolehlah dimasukkan dalam keuntungan perusahaan itu dan dicukai sewajarnya.

Perkara 10

DIVIDEN

1. Dividen yang dibayar oleh syarikat yang menjadi pemastautin Negara Pejanji kepada pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi boleh dicukai di Negara yang satu lagi.
2. Walau bagaimanapun, dividen tersebut boleh juga dicukai di Negara Pejanji di mana syarikat yang membayar dividen menjadi pemastautin dan mengikut undang-undang Negara tersebut, tetapi

jika penerima itu adalah pemunya benefisial dividen itu, cukai yang dicajkan sedemikian tidaklah boleh melebihi:

- (a) lima peratus daripada amaun kasar dividen itu jika pemunya benefisial adalah syarikat (selain daripada perkongsian) yang mengawal, secara langsung atau tak langsung sekurang-kurangnya sepuluh peratus kuasa mengundi dalam syarikat yang membayar kuasa mengundi dalam syarikat yang membayar dividen itu;
- (b) lima belas peratus daripada amaun kasar dividen itu dalam segala hal lain.

Perenggan ini tidaklah boleh menyentuh pencukaian syarikat berkenaan dengan keuntungan yang daripadanya dividen dibayar.

3. Dividen yang dibayar oleh syarikat yang menjadi pemastautin Malaysia kepada pemastautin Mauritius yang adalah pemunya benefisialnya hendaklah dikecualikan daripada apa-apa cukai di Malaysia yang boleh dicajkan ke atas dividen sebagai tambahan kepada cukai yang boleh dicajkan berkenaan dengan pendapatan syarikat itu. Tiada apa-apa jua dalam perenggan ini boleh menyentuh peruntukan-peruntukan undang-undang Malaysia yang di bawahnya cukai berkenaan dengan dividen yang dibayar oleh syarikat yang menjadi pemastautin Malaysia yang daripadanya cukai Malaysia telah, atau disifatkan sebagai telah, dipotong boleh dilaraskan dengan merujuk kepada kadar cukai yang bersesuaian dengan tahun taksiran Malaysia selepas sahaja tahun dalam mana dividen itu telah dibayar.

4. Istilah “dividen” sebagaimana yang digunakan dalam Perkara ini ertinya pendapatan daripada syer atau hak lain, yang bukan tuntutan hutang, menyertai dalam keuntungan, serta juga pendapatan daripada hak perbadanan lain yang tertakluk kepada layanan pencukaian yang sama seperti pendapatan daripada syer menurut undang-undang Negara di mana syarikat yang membuat pembahagian itu menjadi pemastautin.

5. Peruntukan-peruntukan perenggan 1, 2 dan 3 tidaklah boleh terpakai jika pemunya benefisial dividen itu, sebagai pemastautin Negara Pejanji, menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi, di mana syarikat yang membayar dividen itu menjadi pemastautin, menerusi establismen tetap yang terletak di dalamnya, dan pemegangan yang berkenaan dengannya dividen itu dibayar adalah berkaitan secara efektif dengan establismen tetap tersebut. Dalam hal sedemikian, peruntukan-peruntukan Perkara 7 hendaklah terpakai.

6. Jika syarikat yang menjadi pemastautin Negara Pejanji memperoleh pendapatan atau keuntungan daripada Negara Pejanji yang satu lagi, Negara yang satu lagi itu tidaklah boleh mengenakan apa-apa cukai ke atas dividen yang dibayar oleh syarikat itu kepada orang yang bukan pemastautin Negara yang satu lagi itu, ataupun membolehkan keuntungan syarikat yang tak dibahagikan dikenakan

cukai di atas keuntungan yang tak dibahagikan, walaupun jika dividen yang dibayar atau keuntungan yang tak dibahagikan itu terdiri keseluruhannya atau sebahagiannya daripada pendapatan atau keuntungan yang terbit di Negara yang satu lagi itu.

Perkara 11

BUNGA

1. Bunga yang terbit di Negara Pejanji dan dibayar kepada pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi boleh dicukai di Negara yang satu lagi itu.
2. Walau bagaimanapun, bunga tersebut boleh juga dicukai di Negara Pejanji di mana ia terbit, dan mengikut undang-undang Negara itu, tetapi jika penerimaannya adalah pemunya benefisial bunga itu, cukai yang dicajkan sedemikian tidaklah boleh melebihi lima belas peratus daripada amaun kasar bunga itu.
3. Walau apa pun peruntukan perenggan 2, bunga yang kepadanya pemastautin Mauritius adalah berhak secara benefisialnya hendaklah dikecualikan daripada cukai Malaysia jika pinjaman atau keterhutangan lain yang berkenaan dengannya bunga itu dibayar adalah pinjaman yang diluluskan sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 2(1) Akta Cukai Pendapatan 1967 Malaysia.
4. Walau apa pun peruntukan-peruntukan perenggan 2 dan 3, Kerajaan Negara Pejanji hendaklah dikecualikan daripada cukai di Negara Pejanji yang satu lagi berkenaan dengan bunga yang diperolehi oleh Kerajaan daripada Negara yang satu lagi itu.
5. Bagi maksud perenggan 4, istilah “Kerajaan”:
 - (a) dalam hal Malaysia ertinya Kerajaan Malaysia dan hendaklah termasuk:
 - (i) kerajaan-kerajaan Negeri;
 - (ii) pihak-pihak berkuasa tempatan;
 - (iii) badan-badan berkanun;
 - (iv) Bank Negara Malaysia; dan
 - (v) mana-mana institusi, yang modalnya dipunyai secara keseluruhannya oleh Kerajaan Malaysia, atau kerajaan-kerajaan Negeri, atau pihak-pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya, sebagaimana yang dipersetujui dari semasa ke semasa di antara pihak-pihak berkuasa kompeten Negara-Negara Pejanji;
 - (b) dalam hal Mauritius ertinya Kerajaan Mauritius dan hendaklah termasuk:
 - (i) pihak-pihak berkuasa tempatan;
 - (ii) badan-badan berkanun;
 - (iii) Bank Mauritius; dan

- (iv) mana-mana institusi, yang modalnya dipunyai secara keseluruhannya oleh Kerajaan Mauritius, atau pihak-pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya, sebagaimana yang dipersetujui dari semasa ke semasa di antara pihak-pihak berkuasa kompeten Negara-Negara Pejanji.

6. Istilah “bunga” sebagaimana yang digunakan dalam Perkara ini ertinya pendapatan daripada setiap jenis tuntutan hutang, sama ada dicagarkan secara gadai-janji atau tidak, dan sama ada memberikan hak untuk menyertai dalam keuntungan penghutang atau tidak, dan khususnya, pendapatan daripada sekuriti kerajaan dan pendapatan daripada bon atau debentur.

7. Peruntukan-peruntukan perenggan 1, 2 dan 3 tidaklah boleh terpakai jika pemunya benefisial bunga itu, sebagai pemastautin Negara Pejanji, menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi di mana bunga itu terbit, menerusi establismen tetap yang terletak di dalamnya, dan tuntutan hutang yang berkenaan dengannya bunga itu dibayar adalah berkaitan secara efektif dengan establismen tetap tersebut. Dalam hal sedemikian, peruntukan-peruntukan Perkara 7 hendaklah terpakai.

8. Bunga hendaklah disifatkan sebagai terbit di Negara Pejanji jika pembayarannya adalah Negara itu sendiri, subbahagian politik, pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya, atau pemastautin Negara itu. Jika, walau bagaimanapun, orang yang membayar bunga itu, sama ada dia menjadi pemastautin Negara Pejanji atau tidak, mempunyai di Negara Pejanji establismen tetap yang berkaitan dengannya keterhutangan yang atasnya bunga itu dibayar telah ditanggung, dan bunga tersebut ditanggung oleh establismen tetap tersebut, maka bunga tersebut hendaklah disifatkan sebagai terbit di Negara di mana establismen tetap itu terletak.

9. Jika, oleh sebab perhubungan istimewa di antara pembayar dan pemunya benefisial itu atau di antara kedua-dua mereka dengan seorang yang lain, amaun bunga yang dibayar, dengan memberikan perhatian kepada tuntutan hutang yang baginya ia dibayar, melebihi amaun yang sepatutnya dipersetujui oleh pembayar dan pemunya benefisial itu jika tidak ada perhubungan sedemikian, peruntukan-peruntukan Perkara ini hendaklah terpakai hanya bagi amaun yang terakhir disebut itu. Dalam hal sedemikian, bahagian berlebihan pembayaran itu hendaklah tetap boleh dikenakan cukai mengikut undang-undang setiap Negara Pejanji, dengan perhatian sewajarnya diberikan kepada peruntukan-peruntukan lain Perjanjian ini.

Perkara 12

ROYALTI

1. Royalti yang terbit di Negara Pejanji dan dibayar kepada pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi boleh dicukai di Negara yang satu lagi itu.

2. Walau bagaimanapun, royalti tersebut boleh juga dicukai di Negara Pejanji di mana ia terbit, dan mengikut undang-undang Negara itu, tetapi jika penerimanya adalah pemunya benefisial royalti itu, cukai yang dicajkan sedemikian tidaklah boleh melebihi lima belas peratus daripada amaun kasar royalti itu.

3. Istilah “royalti” sebagaimana yang digunakan dalam Perkara ini ertinya pembayaran daripada apa-apa jenis yang diterimna sebagai balasan bagi:

- (a) menggunakan, atau hak untuk menggunakan, apa-apa paten, tanda niaga, rekabentuk atau model, pelan, formula atau proses rahsia, atau apa-apa hakcipta atau karya saintifik, atau bagi menggunakan, atau hak untuk menggunakan, peralatan perindustrian, perdagangan atau saintifik, atau untuk maklumat berkenaan dengan pengalaman perindustrian, perdagangan atau saintifik;
- (b) menggunakan, atau hak untuk menggunakan, filem sinematograf, atau pita untuk siaran radio atau televisyen, apa-apa hakcipta karya kesusasteraan atau kesenian.

4. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 dan 2 tidaklah boleh terpakai jika pemunya benefisial royalti itu, sebagai pemastautin Negara Pejanji, menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi di mana royalti itu terbit menerusi establismen tetap yang terletak di dalamnya, dan hak atau harta yang berkenaan dengannya royalti itu dibayar adalah berkaitan secara berkesan dengan establismen tetap tersebut. Dalam hal sedemikian, peruntukan-peruntukan Perkara 7 hendaklah terpakai.

5. Royalti hendaklah disifatkan sebagai terbit di Negara Pejanji jika pembayar itu adalah Negara itu sendiri, subbahagian politik, pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya, atau pemastautin Negara itu. Jika, walau bagaimanapun, orang yang membayar royalti tersebut, sama ada dia menjadi pemastautin Negara Pejanji atau tidak, mempunyai di Negara Pejanji establismen tetap yang berkaitan dengannya obligasi untuk membayar royalti telah ditanggung, dan royalti tersebut adalah ditanggung oleh establismen tetap tersebut, maka royalti tersebut hendaklah disifatkan sebagai terbit di Negara di mana establismen tetap itu terletak.

6. Jika, oleh sebab perhubungan istimewa di antara pembayar dan pemunya benefisial itu atau di antara kedua-dua mereka dengan seorang yang lain, amaun royalti yang dibayar, dengan memberikan perhatian kepada kegunaan, hak atau maklumat yang baginya ia dibayar, melebihi amaun yang sepatutnya telah dipersetujui di antara pembayar dan pemunya benefisial itu jika tidak ada perhubungan sedemikian, peruntukan-peruntukan Perkara ini hendaklah terpakai hanya bagi amaun yang terakhir disebut itu. Dalam hal sedemikian, bahagian berlebihan pembayaran itu hendaklah tetap boleh dikenakan cukai mengikut undang-undang setiap Negara Pejanji, dengan perhatian sewajarnya diberikan kepada peruntukan-peruntukan lain Perjanjian ini.

Perkara 13**PENDAPATAN DARIPADA PEMBERIMILIKAN HARTA**

1. Pendapatan daripada pemberimilikan harta tak alih, sebagaimana yang ditakrifkan dalam perenggan 2 Perkara 6, boleh dicukai di Negara Pejanji di mana harta tersebut terletak.
2. Pendapatan daripada pemberimilikan harta alih yang menjadi sebahagian daripada harta perniagaan establismen tetap yang dipunyai oleh perusahaan Negara Pejanji di Negara Pejanji yang satu lagi atau harta alih yang tersedia bagi pemastautin Negara Pejanji di Negara Pejanji yang satu lagi bagi maksud melaksanakan perkhidmatan profesional, termasuk apa-apa pendapatan daripada pemberimilikan establismen tetap tersebut (bersendirian atau bersama-sama dengan keseluruhan perusahaan) boleh dicukai di Negara yang satu lagi. Walau bagaimanapun, pendapatan daripada pemberimilikan kapal atau pesawat udara yang dikendalikan oleh perusahaan Negara Pejanji dalam lalulintas antarabangsa dan harta alih berkenaan dengan pengendalian kapal atau pesawat udara tersebut hendaklah boleh dikenakan cukai hanya di Negara di mana perusahaan itu menjadi pemastautin.
3. Pendapatan daripada pemberimilikan apa-apa harta atau aset, selain daripada yang disebut dalam perenggan 1 dan 2 Perkara ini, hendaklah boleh dikenakan cukai hanya di Negara Pejanji di mana pemberimilik menjadi pemastautin.

Perkara 14**PERKHIDMATAN DIRI**

1. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perkara 15, 17, 18 dan 19 dan saraan yang diperolehi oleh individu yang menjadi pemastautin Negara Pejanji berkenaan dengan pekerjaan atau profesion hendaklah boleh dikenakan cukai hanya di Negara itu melainkan jika pekerjaan atau profesion itu dijalankan di Negara Pejanji yang satu lagi. Jika pekerjaan atau profesion itu dijalankan sedemikian, apa-apa pendapatan sebagaimana yang diperolehi daripadanya boleh dicukai di Negara yang satu lagi itu.
2. Walau apa pun peruntukan perenggan 1 saraan yang diperolehi oleh individu yang menjadi pemastautin Negara Pejanji berkenaan dengan pekerjaan atau profesion yang dijalankan di Negara Pejanji yang satu lagi itu hendaklah boleh dikenakan cukai hanya di negara yang mula-mula disebut jika:
 - (a) individu itu berada di Negara yang satu lagi itu bagi suatu tempoh atau tempoh-tempoh yang pada agregatnya tidak melebihi 183 hari dalam tahun fiskal yang berkenaan; dan
 - (b) saraan itu dibayar oleh, atau bagi pihak, seseorang yang bukannya pemastautin Negara yang satu lagi itu; dan

- (c) saraan itu tidak ditanggung oleh establismen tetap yang dipunyai oleh orang yang membayar saraan itu di Negara yang satu lagi.

3. Walau apa pun peruntukan-peruntukan perenggan 1 dan 2 saraan berkenaan dengan pekerjaan yang dijalankan di atas kapal atau pesawat udara di lalulintas antarabangsa yang dikendalikan oleh perusahaan Negara Pejanji boleh dicukai di Negara Pejanji itu.

Perkara 15

FEE PENGARAH

Fee pengarah dan bayaran lain yang seumpamanya yang diperolehi oleh pemastautin Negara Pejanji atas sifatnya sebagai anggota lembaga pengarah syarikat yang menjadi pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi, boleh dicukai di Negara yang satu lagi itu.

Perkara 16

SENIMAN DAN OLAHRAGAWAN

1. Walau apa pun peruntukan-peruntukan Perkara 14 pendapatan yang diperolehi oleh pemastautin Negara Pejanji sebagai penghibur, seperti seniman teater, wayang gambar, radio atau televisyen, atau ahli muzik, atau sebagai olahragawan, daripada aktiviti persendirian yang sedemikian yang dijalankan di Negara Pejanji yang satu lagi, boleh dicukai di Negara yang satu lagi itu.
2. Jika pendapatan berkenaan dengan aktiviti persendirian yang dijalankan oleh penghibur atau olahragawan atas sifatnya yang sedemikian terakru bukan kepada penghibur atau olahragawan itu sendiri tetapi kepada orang lain, pendapatan itu boleh, walau apa pun peruntukan-peruntukan Perkara 7 dan 14, dicukai di Negara Pejanji di mana aktiviti penghibur atau olahragawan itu dijalankan.
3. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 dan 2 tidaklah boleh terpakai bagi pendapatan yang diperolehi daripada aktiviti yang dijalankan di Negara Pejanji jika lawatan ke Negara itu adalah secara langsung atau tak langsung disokong keseluruhannya atau secara substansial daripada wang awam Negara Pejanji yang satu lagi, subbahagian politik, pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya.

Perkara 17

PENCEN DAN ANUITI

1. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan perenggan 2 Perkara 18, apa-apa pencen dan lain-lain saraan yang seumpamanya bagi pekerjaan yang lalu atau apa-apa anuiti yang terbit di Negara Pejanji dan dibayar kepada pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi hendaklah boleh dikenakan cukai hanya di Negara yang satu lagi itu.

2. Istilah “anuiti” termasuklah suatu jumlah wang yang dinyatakan yang kena dibayar secara berkala pada masa-masa tertentu, semasa hayat atau semasa tempoh masa yang dinyatakan atau boleh ditentukan, di bawah obligasi untuk membuat bayaran itu sebagai pulangan bagi balasan yang mencukupi dan penuh dalam bentuk wang atau yang boleh dinilai dengan wang.

Perkara 18

PERKHIDMATAN KERAJAAN

1. (a) Saraan, selain daripada pencen, yang dibayar oleh atau daripada kumpulan wang yang ditubuhkan oleh Negara Pejanji atau subbahagian politik atau pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya kepada mana-mana individu berkenaan dengan perkhidmatan yang diberi kepada Negara itu atau subbahagian politik atau pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya hendaklah boleh dikenakan cukai hanya di Negara itu.
- (b) Walau bagaimanapun, saraan tersebut hendaklah boleh dikenakan cukai hanya di Negara Pejanji yang satu lagi jika perkhidmatan itu diberi di Negara yang satu lagi itu dan penerimanya adalah pemastautin Negara yang satu lagi itu yang:
 - (i) menjadi rakyat Negara itu; atau
 - (ii) tidak menjadi pemastautin Negara itu semata-mata bagi maksud melaksanakan perkhidmatan itu.
2. Apa-apa pencen yang dibayar oleh, atau daripada kumpulan wang yang ditubuhkan oleh, Negara Pejanji, subbahagian politik atau pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya kepada mana-mana individu berkenaan dengan perkhidmatan yang diberi kepada Negara itu, subbahagian politik, pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya hendaklah boleh dikenakan cukai hanya di Negara itu.
3. Peruntukan-peruntukan Perkara 14, 15 dan 17 hendaklah terpakai bagi saraan atau pencen berkenaan dengan perkhidmatan yang diberi berkaitan dengan apa-apa perdagangan atau perniagaan yang dijalankan oleh Negara Pejanji, subbahagian politik atau pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya.

Perkara 19

PENUNTUT DAN PELATIH

1. Seseorang individu yang menjadi atau pernah menjadi pemastautin Negara Pejanji sebelum sahaja membuat lawatan ke Negara Pejanji yang satu lagi dan yang berada secara sementara di Negara yang satu lagi itu semata-mata:
 - (a) sebagai penuntut di universiti, kolej, sekolah yang diiktirafkan atau lain-lain institusi pendidikan yang diiktiraf yang seumpamanya di Negara yang satu lagi itu;

- (b) sebagai perantis perniagaan atau teknik; atau
- (c) sebagai penerima pemberian, elaun atau award bagi maksud utama pelajaran, penyelidikan atau latihan daripada Kerajaan mana-mana satu Negara atau daripada organisasi saintifik, pendidikan, agama atau khairat atau di bawah suatu program bantuan teknik yang dibuat oleh Kerajaan mana-mana satu Negara,

hendaklah dikecualikan daripada cukai di Negara yang satu lagi itu atas:

- (i) segala remitan dari luarnegeri bagi maksud penyenggaraan, pendidikan, pelajaran, penyelidikan atau latihannya;
- (ii) amaun pemberian, elaun atau award tersebut; dan
- (iii) apa-apa saraan tidak melebihi US 3000 dollar setahun berkenaan dengan perkhidmatan di Negara yang satu lagi itu dengan syarat perkhidmatan itu dilaksanakan berkaitan dengan pelajaran, penyelidikan atau latihannya atau adalah perlu bagi maksud penyenggaraannya.

Perkara 20

GURU DAN PENYELIDIK

1. Seseorang individu yang menjadi pemastautin Negara Pejanji sebelum sahaja membuat lawatan ke Negara Pejanji yang satu lagi, dan yang, atas jemputan mana-mana universiti, kolej atau lain-lain institusi pendidikan yang seumpamanya, melawat Negara yang satu lagi itu bagi tempoh yang pada agregatnya tidak melebihi dua tahun atau selainnya dari tarikh pertama menjawat tugasnya di Negara yang satu lagi itu semata-mata bagi maksud mengajar atau menyelidik atau kedua-duanya di institusi pendidikan tersebut hendaklah dikecualikan daripada cukai di Negara yang satu lagi itu atas apa-apa saraan bagi pengajaran atau penyelidikan tersebut yang adalah tertakluk kepada cukai di Negara Pejanji yang mula-mula disebut itu.
2. Perkara ini tidaklah boleh terpakai bagi pendapatan daripada penyelidikan jika penyelidikan tersebut diakujanji terutamanya untuk faedah persendirian orang tertentu.

Perkara 21

PENDAPATAN YANG TIDAK DISEBUT SECARA NYATA

Butiran pendapatan pemastautin Negara Pejanji yang tidak disebut secara nyata dalam Perkara-Perkara terdahulu Perjanjian ini hendaklah boleh dikenakan cukai hanya di Negara Pejanji itu kecuali sekiranya pendapatan tersebut diperolehi daripada sumber-sumber di Negara Pejanji yang satu lagi, ia boleh juga dicukai di Negara yang satu lagi itu.

Perkara 22**PENGHAPUSAN CUKAI DUA KALI**

1. Tertakluk kepada undang-undang Malaysia berkenaan dengan elaun sebagai kredit terhadap cukai Malaysia mengenai cukai yang kena dibayar di mana-mana negara selain daripada Malaysia, cukai Mauritius yang kena dibayar di bawah undang-undang Mauritius oleh pemastautin Malaysia berkenaan dengan pendapatan yang diperolehi daripada Mauritius hendaklah dibenarkan sebagai kredit terhadap cukai Malaysia yang kena dibayar berkenaan dengan pendapatan itu. Jika pendapatan tersebut adalah dividen yang dibayar oleh syarikat yang menjadi pemastautin Mauritius kepada syarikat yang menjadi pemastautin Malaysia dan yang memiliki tidak kurang daripada sepuluh peratus daripada syer mengundi syarikat yang membayar dividen itu, kredit itu hendaklah mengambil kira cukai Mauritius yang kena dibayar oleh syarikat itu berkenaan dengan pendapatannya yang daripadanya dividen dibayar. Kredit itu tidaklah boleh, walau bagaimanapun, melebihi bahagian cukai Malaysia, sebagaimana yang dihitungkan sebelum kredit diberikan, yang sesuai dengan butiran pendapatan tersebut.
2. Bagi maksud perenggan 1 dan tertakluk kepada perenggan 3, istilah “cukai Mauritius yang kena dibayar” hendaklah disifatkan sebagai termasuk apa-apa amaun yang sepatutnya kena dibayar sebagai cukai Mauritius bagi mana-mana tahun kecuali suatu pengecualian atau pengurangan cukai diberikan bagi tahun itu, atau mana-mana bahagian daripadanya, mengikut Perjanjian ini dan di bawah undang-undang Mauritius berkenaan dengan insentif yang disediakan bagi perusahaan dengan hasrat untuk menggalakkan pembangunan ekonomi di bawah atau menurut kuasa mana-mana undang-undang lain yang mungkin mula berkuatkuasa berikutnya dan dipersetujui oleh pihak-pihak berkuasa kompeten Negara-Negara Pejanji sebagai mempunyai penggalakan pembangunan ekonomi sebagai objek utamanya.
3. Kredit terhadap cukai Malaysia tidaklah boleh diberi menurut kuasa perenggan ini berkenaan dengan pendapatan suatu perusahaan jika pendapatan itu terbit dalam tempoh yang bermula lebih dari sepuluh tahun selepas pengecualian daripada, atau pengurangan, cukai Mauritius mula-mula diberikan kepada perusahaan itu berkenaan dengan pendapatan itu.
4. Dalam hal Mauritius:
 - (a) tertakluk kepada subperenggan lain perenggan ini dan kepada peruntukan-peruntukan undang-undang Mauritius berkenaan dengan elaun sebagai kredit terhadap cukai Mauritius mengenai cukai yang kena dibayar dalam suatu wilayah di luar Mauritius (yang tidak akan menyentuh prinsip am di sini), jika pemastautin Mauritius memperolehi keuntungan, pendapatan atau laba daripada sumber-sumber dalam Malaysia dan yang, di bawah undang-undang Malaysia dan mengikut Perjanjian adalah boleh dikenakan

cukai atau mungkin dicukai di Malaysia, sama ada secara langsung atau melalui potongan, Mauritius hendaklah membenarkan sebagai kredit terhadap apa-apa cukai Mauritius yang dihitung melalui rujukan kepada keuntungan, pendapatan atau laba yang sama yang melalui rujukan kepadanya cukai Malaysia yang kena dibayar dihitung;

- (b) dalam hal dividen, kredit yang disebut dalam subperenggan (a) hendaklah hanya mengambil kira apa-apa cukai berkenaan dengannya yang sebagai tambahan kepada apa-apa cukai yang kena dibayar di Malaysia oleh syarikat ke atas keuntungan yang daripadanya dividen dibayar dan yang akhirnya ditanggung oleh penerima dividen tanpa apa-apa rujukan kepada apa-apa cukai yang kena dibayar sedemikian;
- (c) jika syarikat yang menjadi pemastautin Malaysia membayar dividen kepada syarikat yang menjadi pemastautin Mauritius dan yang mengawal secara langsung atau tak langsung sekurang-kurangnya sepuluh peratus daripada kuasa mengundi syarikat yang membayar dividen, kredit hendaklah mengambil kira (sebagai tambahan kepada apa-apa cukai Malaysia yang baginya kredit boleh dibenarkan di bawah peruntukan-peruntukan subperenggan (a) dan (b) perenggan ini) cukai Malaysia yang kena dibayar oleh syarikat yang mula-mula disebut berkenaan dengan keuntungan yang daripadanya dividen tersebut dibayar;
- (d) kredit di bawah perenggan ini tidaklah boleh melebihi bahagian cukai Mauritius yang dihitung sebelum kredit dibenarkan dan yang sesuai dengan butiran pendapatan tersebut.

5. Bagi maksud perenggan 4, istilah “cukai Malaysia yang kena dibayar” hendaklah disifatkan sebagai termasuk cukai Malaysia yang sepatutnya, di bawah undang-undang Malaysia dan mengikut Perjanjian ini, kena dibayar atas apa-apa pendapatan yang diperolehi daripada sumber-sumber di Malaysia jika pendapatan itu tidak dicukai pada kadar yang dikurangkan atau dikecualikan daripada cukai Malaysia mengikut peruntukan-peruntukan Perjanjian ini: dan

- (a) insentif khas di bawah undang-undang Malaysia untuk menggalakkan pembangunan ekonomi Malaysia atau mana-mana peruntukan lain yang mungkin diperkenalkan di Malaysia berikutnya sebagai ubahsuaian, atau sebagai tambahan kepada, undang-undang itu setakat mana ia dipersetujui oleh pihak-pihak berkuasa kompeten Negara-Negara Pejanji sebagai mempunyai ciri yang pada matannya serupa; dan
- (b) bunga yang baginya perenggan 3 Perkara 11 terpakai sekiranya bunga itu tidak dikecualikan daripada cukai Malaysia mengikut perenggan itu.

6. Bagi maksud perenggan 4, jika royalti yang diperolehi oleh pemastautin Mauritius adalah, seperti sewaan filem, tertakluk kepada duti sewa-filem sinematograf di Malaysia, duti itu hendaklah disifatkan sebagai cukai Malaysia.

Perkara 23

PROSEDUR PERSETUJUAN BERSAMA

1. Jika pemastautin Negara Pejanji berpendapat bahawa tindakan salah satu atau kedua-dua Negara-Negara Pejanji mengakibatkan atau akan mengakibatkan baginya pencukaaian dengan tidak mengikut Perjanjian ini, dia boleh, walau apa pun remedi yang diperuntukkan oleh undang-undang pencukaaian Negara-Negara tersebut, mengemukakan kesnya kepada pihak berkuasa kompeten Negara di mana dia menjadi pemastautin. Kes itu mestilah dikemukakan dalam tempoh tiga tahun dari pemberitahuan pertama mengenai tindakan yang mengakibatkan pencukaaian dengan tidak mengikut peruntukan-peruntukan Perjanjian ini.
2. Pihak berkuasa kompeten hendaklah berusaha, jika bantahan itu ternyata kepadanya sebagai berjustifikasi dan jika ia sendiri tidak dapat mencapai suatu penyelesaian yang sesuai, untuk menyelesaikan kes itu melalui persetujuan bersama dengan pihak berkuasa kompeten Negara Pejanji yang satu lagi, dengan hasrat untuk mengelakkan pencukaaian yang tidak mengikut Perjanjian ini.
3. Pihak-pihak berkuasa kompeten Negara-Negara Pejanji hendaklah berusaha untuk menyelesaikan melalui persetujuan bersama apa-apa kesulitan atau keraguan yang timbul mengenai pentafsiran atau pemakaian Perjanjian ini. Mereka boleh juga sama-sama berunding bagi menghapuskan cukai dua kali dalam kes-kes yang tidak diperuntukkan dalam Perjanjian ini.
4. Pihak-pihak berkuasa kompeten Negara-Negara Pejanji boleh berhubung secara langsung antara satu sama lain bagi maksud mencapai persetujuan menurut ertikata perenggan-perenggan terdahulu.

Perkara 24

BERTUKAR-TUKAR MAKLUMAT

1. Pihak-pihak berkuasa kompeten Negara-Negara Pejanji hendaklah bertukar-tukar apa-apa maklumat sebagaimana yang perlu bagi pelaksanaan peruntukan-peruntukan Perjanjian ini atau bagi pencegahan atau pengesanan pelarian atau pengelakkan cukai yang

diliputi oleh Perjanjian ini. Apa-apa maklumat yang ditukar sedemikian hendaklah disifatkan sebagai rahsia dan hendaklah didedahkan hanya kepada orang atau pihak-pihak berkuasa (termasuk mahkamah atau pihak berkuasa mengkaji semula) yang terlibat dengan pentaksiran, pemungutan, penguatkuasaan atau pendakwaan berkenaan dengan, atau keputusan rayuan berhubungan dengan, cukai yang menjadi subjek Perjanjian ini.

2. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 tidak boleh dalam apa-apa hal ditafsirkan sebagai mengenakan ke atas Negara Pejanji obligasi:

- (a) untuk melaksanakan langkah-langkah pentadbiran yang bercanggah dengan undang-undang atau amalan pentadbiran Negara Pejanji itu atau Negara Pejanji yang satu lagi itu;
- (b) untuk membekalkan butir-butir yang tidak boleh diperolehi di bawah undang-undang atau mengikut perjalanan biasa pentadbiran Negara Pejanji itu atau Negara Pejanji yang satu lagi itu;
- (c) untuk membekalkan maklumat yang akan mendedahkan apa-apa rahsia perdagangan, perniagaan, perindustrian, komersial atau profesional atau proses perdagangan, atau maklumat yang pendedahannya akan bertentangan dengan polisi awam.

Perkara 25

PEGAWAI DIPLOMATIK DAN KONSULAR

Tiada apa-apa jua dalam Perjanjian ini boleh menyentuh keistimewaan-keistimewaan fiskal pegawai-pegawai diplomatik dan konsular di bawah kaedah-kaedah am undang-undang antarabangsa atau di bawah peruntukan-peruntukan perjanjian-perjanjian khas.

Perkara 26

MULA BERKUATKUASA

1. Perjanjian ini hendaklah diratifikasikan oleh Kerajaan-Kerajaan Negara-Negara Pejanji dan suratcara ratifikasi hendaklah dipertukarkan di dengan secepat mungkin.

2. Perjanjian ini hendaklah mula berkuatkuasa di atas pertukaran suratcara ratifikasi dan hendaklah mempunyai kuatkuasa:

- (a) di Malaysia:
berkenaan dengan cukai Malaysia bagi tahun taksiran yang bermula pada satu hari bulan Januari 1991, dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya;

(b) di Mauritius:

berkenaan dengan cukai pendapatan bagi tahun taksiran yang bermula pada satu haribulan Julai 1991, dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Perkara 27

PENAMATAN

Perjanjian ini hendaklah terus berkuatkuasa selama tempoh yang tidak tentu lamanya, tetapi mana-mana satu Negara Pejanji boleh menamatkan Perjanjian ini, menerusi saluran diplomatik, dengan memberi notis penamatan bertulis kepada Negara Pejanji yang satu lagi pada atau sebelum 30hb Jun dalam mana-mana tahun kalendar selepas tahun 1997. Dalam hal sedemikian Perjanjian ini hendaklah terhenti daripada berkuatkuasa:

(a) di Malaysia:

berkenaan dengan cukai Malaysia bagi tahun taksiran yang bermula pada atau selepas 1hb Januari dalam tahun kalendar yang mengikut tahun di mana notis diberi;

(b) di Mauritius:

berkenaan dengan cukai pendapatan bagi mana-mana tahun taksiran yang bermula pada atau selepas 1hb Julai dalam tahun kalendar yang mengikut tahun di mana notis diberi.

PADA MENYAKSIKAN hal tersebut di atas yang bertandatangan di bawah ini, yang diberikuasa sewajarnya bagi maksud itu, oleh Kerajaan mereka masing-masing telah menandatangani Perjanjian ini.

DIPERBUAT dalam dua salinan di Kuala Lumpur pada 23 haribulan Ogos seribu sembilan ratus sembilan puluh dua, tiap-tiap satunya dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris, kedua-dua naskah adalah sama sahinya. Sekiranya terdapat pertikaian tentang penafsiran dan pemakaian Perjanjian ini, naskah Bahasa Inggeris hendaklah mengatasi.

Bagi pihak Kerajaan
Malaysia

Bagi Pihak Kerajaan
Mauritius

PROTOKOL

Pada masa menandatangani Perjanjian ini di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Mauritius bagi Mengelakkan Cukai Dua Kali dan Mencegah Pelarian Fiskal berkenaan dengan Cukai ke atas

Pendapatan, yang bertandatangan di bawah telah bersetuju bahawa peruntukan-peruntukan berikut hendaklah menjadi bahagian integral Perjanjian ini.

Berkaitan dengan Perkara 14 (Perkhidmatan Diri) walaupun Akta Cukai Pendapatan Mauritius memperuntukkan relif emolumen kepada orang yang bekerja atau yang menerima pencen perkataan “saraan” tidaklah boleh disifatkan, bagi maksud pemberian relif emolumen, sebagai termasuk emolumen yang diperolehi daripada mana-mana sumber selain daripada pekerjaan dan pencen.

